



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

2021-2025

www.medac.gov.my

KANDUNGAN

AMANAT YANG BERHORMAT MENTERI	2
PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA	3
RINGKASAN EKSEKUTIF	5
VISI OACP MEDAC	6
PENGENALAN	
Sejarah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	7
Visi, misi dan fungsi MEDAC	8
Dasar integriti dan tadbir urus nasional	9
Keperluan pembangunan OACP	10
ISU DAN CABARAN	11
Punca risiko di MEDAC	12
BIDANG KEUTAMAAN	13
STRATEGI PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF	14
Pentadbiran sektor awam	15
Kewangan dan perolehan awam	22
Tadbir urus terbaik dan berintegriti	28
PENUTUP	33
Penghargaan	34
Sidang editor	35

AMANAT YANG BERHORMAT MENTERI

YANG BERHORMAT TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
MENTERI

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Setinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat illahi kerana dengan izinNya dapat diterbitkan Pelan Antirasuah Organisasi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi atau secara ringkasnya dinamakan sebagai Pelan Antirasuah Organisasi MEDAC 2021-2025.

Penyediaan pelan ini adalah pernyataan komitmen tidak berbelah bahagi kementerian dalam berusaha menjayakan misi dan mengatur strategi ke arah meminimumkan risiko berlakunya salah laku berkaitan integriti dan rasuah khususnya melibatkan warga MEDAC sebagaimana dinyatakan dalam inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan secara rasmi pada 29 Januari 2019.

Dalam hal ini, usaha merealisasikan perancangan yang telah ditetapkan merupakan peranan dan tanggungjawab semua pihak di MEDAC tanpa mengira peringkat jawatan ke arah memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih baik dan berkesan tanpa kompromi terhadap isu-isu berkaitan integriti dan salah laku rasuah. Adalah diharapkan, penyediaan dokumen yang lebih berstruktur ini dapat meningkatkan ketelusan dan memantapkan tadbir urus MEDAC. Sesungguhnya, perkara ini merupakan elemen penting dalam memastikan penyampaian fungsi MEDAC yang lebih berintegriti dan diyakini oleh semua.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat menjayakan Pelan Antirasuah Organisasi MEDAC 2021-2025. Semoga setiap strategi dan inisiatif yang telah dirancang dapat dihayati dan dilaksanakan sebagaimana ditetapkan serta mencapai impak sebagaimana yang diharapkan.

Sekian, terima kasih.



PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA

YANG BERBAHAGIA DATO' SURIANI BINTI DATO' AHMAD
KETUA SETIAUSAHA

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Pelan Antirasuah Organisasi MEDAC 2021-2025 adalah satu dokumen yang disediakan sebagai refleksi kesungguhan dan komitmen kementerian dalam menangani isu berkaitan integriti dan antirasuah. Pelan ini juga dibangunkan selaras dengan inisiatif di bawah Strategi 2 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam dengan pernyataan keperluan pembangunan pelan antirasuah organisasi bagi sektor awam.

Kerangka dasar pelan dan strategi ini adalah merupakan input dan buah fikiran bersama pegawai-pegawai terlibat di semua bahagian bagi memastikan setiap isu dapat disenaraikan dan meliputi semua perkara. Ini adalah penting bagi memastikan kebersamaan semua pihak dalam berusaha menambah baik proses kerja sedia ada dan bergerak ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan yang disediakan.

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang diberikan oleh kementerian berada pada tahap maksimum, isu-isu berkaitan tadbir urus dan integriti adalah antara faktor utama yang ingin dipastikan berada dalam keadaan baik dan perlu ditangani sekiranya bermasalah. Ke arah itu, MEDAC menghasilkan pelan ini sebagai satu dokumen yang lebih berstruktur, menyenaraikan isu-isu dalaman yang kerap berlaku dalam organisasi melibatkan kelemahan tadbir urus, integriti dan antirasuah serta berusaha untuk memastikan pelan tindakan menangani kelemahan ini dapat dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat.

Semoga dengan inisiatif dan tindakan ini, MEDAC dapat terus cemerlang dalam berperanan mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif untuk menyokong agenda pembangunan keusahawanan negara.

Adalah diharap dokumen OACP MEDAC 2021-2025 ini dapat menjadi panduan buat semua warga MEDAC dan pelan tindakan yang ditetapkan dapat dilaksanakan dan dijayakan ke arah menjadi institusi yang lebih cemerlang dan gemilang.



“Tugas kita bukanlah untuk berhasil, tugas kita adalah untuk mencoba kerana di dalam mencoba itulah kita menemukan kesempatan untuk berhasil”

~ Buya Hamka

RINGKASAN EKSEKUTIF


Objektif Utama OACP MEDAC 2021-2025



Menggariskan kerangka dan hala tuju tindakan Pencegahan bagi menangani isu dan permasalahan rasuah khususnya di dalam agensi dengan lebih jelas dan berkesan.



Membudayakan amalan kerja yang berteraskan kecemerlangan melalui sistem pentadbiran MEDAC yang cekap, berintegriti, bermoral, beretika serta mempunyai minda kelas pertama.



Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama berpasukan warga MEDAC membanteras rasuah.



Meningkatkan imej MEDAC dan kepercayaan pemegang taruh serta masyarakat ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh MEDAC.



VISI OACP MEDAC

Visi utama OACP MEDAC 2021-2025 adalah menjadikan warga MEDAC berintegriti melalui empat misi yang telah ditetapkan iaitu:-

Memperkasa dan memperkuat governans, integriti dan antirasuah warga MEDAC


Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti berasaskan tadbir urus baik dan membudaya amalan nilai-nilai murni dalam kalangan warga MEDAC

Menzahirkan warga MEDAC menolak amalan rasuah dengan mewujudkan persekitaran kerja yang berintegriti

Memperkemas jati diri kakitangan dalam memastikan ketelusan dan integriti untuk mewujudkan persekitaran bebas rasuah



SEJARAH PENUBUHAN DAN LATARBELAKANG MEDAC



VISI, MISI, PERANAN DAN FUNGSI MEDAC

MISI

Mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif untuk menyokong agenda pembangunan keusahawanan negara yang inklusif, mampan serta dipacu oleh pengetahuan dan inovasi.



Menjadikan Malaysia sebuah negara keusahawanan yang unggul, bersatu, makmur dan bernaung.

VISI

PERANAN DAN FUNGSI MEDAC

2

Membudayakan Masyarakat Malaysia terutamanya golongan bumiputera, belia, wanita, B40, OKU dan golongan terpinggir dengan nilai serta minda usahawan.

4

Meningkatkan akses kepada pembiayaan dan sistem kewangan yang inklusif termasuk sumber pembiayaan alternatif.

6

Meneraju Pembangunan koperasi yang dinamik, kompetitif dan progresif untuk kemakmuran dan kestabilan sosioekonomi negara.

1

Menetapkan hala tuju pembangunan keusahawanan yang inklusif, mampan dan berdaya saing.

3

Memperkuh ekosistem keusahawanan bagi membangunkan usahawan yang berdaya saing, berdaya maju, berinovasi dan berpengetahuan.

5

Memudahkan ruang dan peluang perniagaan promosi, akses dalam pasaran tempatan dan global serta fasilitasi dalam mengadaptasi teknologi.

7

Menyediakan platform, khidmat sokongan, bantuan serta pembangunan kapasiti keusahawanan

2004 PIN

Pelan Integriti Nasional ini telah dilancarkan bertujuan untuk membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi

2010 GTP

Program Transformasi Kerajaan (GTP) diumumkan pada 2010 adalah satu usaha oleh Kerajaan Malaysia untuk menjadikan negara sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi selaras dengan Wawasan 2020.

DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL

2020 OACP

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda membanteras rasuah telah menjadi keutamaan negara. Oleh itu, beberapa inisiatif utama diperingkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2010, Pelan Integriti Organisasi (PIO) 2015 dan yang terkini ialah Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP).

2015 PIO

Pelan Integriti Organisasi adalah berfokus untuk memantapkan integriti secara menyeluruh dalam diri warga kerja. Pelan ini dibentuk bagi menyokong matlamat dan mencapai objektif seperti yang telah digariskan dalam Pelan Integriti Nasional pada tahun 2004.


KEPERLUAN PEMBANGUNAN OACP MEDAC

OACP merupakan satu dokumen antirasuah bertujuan menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah di dalam MEDAC. Pembangunan OACP MEDAC adalah selaras dengan Inisiatif 2.1.5 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) di bawah Strategi 2: Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan iaitu mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).

Kelemahan tadbir urus dan integriti akan menyebabkan objektif sesuatu program khususnya yang melibatkan aktiviti teras tidak dapat dicapai dan seterusnya tidak dapat dimanfaatkan oleh kumpulan sasar. Sebagai contoh, sekiranya berlaku penyelewengan atau salah guna kuasa dalam penyampaian perkhidmatan, ia akan memberikan imej yang tidak baik kepada Kementerian. Begitu juga sekiranya berlaku ketirisan yang melibatkan perolehan, ini akan menyebabkan mutu perkhidmatan serta bekalan yang diperolehi tidak memenuhi piawaian yang dikehendaki dengan peruntukan bayaran yang telah dibelanjakan. Ketidaktelusan dalam pengendalian wang kerajaan akan menimbulkan pelbagai spekulasi dan tohmahan yang akan menjejaskan imej dan persepsi negatif terhadap perkhidmatan kerajaan.

Kelemahan dalam tadbir urus serta proses perolehan sedikit sebanyak akan mendatangkan kerugian kepada rakyat serta mengurangkan kepercayaan orang awam kepada pihak kerajaan.

Justeru itu, OACP MEDAC ini dapat membantu organisasi dalam penyediaan platform yang sistematik dalam menangani isu rasuah dengan mekanisme pelaporan kepada pengurusan tertinggi organisasi secara berkala serta mempamerkan komitmen pengurusan tertinggi dalam usaha pencegahan rasuah.



ISU DAN CABARAN

Laporan Indeks Persepsi Rasuah (Corruption Perception Index atau CPI) pada tahun 2020 yang dikeluarkan oleh Transparency International Malaysia menunjukkan Malaysia berada di tangga ke-57 daripada 180 negara berbanding tangga ke-51 pada tahun 2019. Indeks ini memfokuskan elemen Rasuah dalam sektor awam dan ahli politik dengan melihat kepada penyalahgunaan kemudahan awam untuk kepentingan atau keuntungan peribadi.

Menurut kenyataan Transparency International Malaysia, Malaysia mencatatkan skor 51 daripada 100 berbanding skor sebanyak 53 peratus pada tahun sebelumnya. Di peringkat negara Islam pula, Malaysia menduduki tangga keenam selepas Emiriah Arab Bersatu (UAE), Qatar, Brunei, Oman dan Arab Saudi.

Justeru itu, MEDAC perlu mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan usaha untuk memerangi gejala rasuah dan memastikan bahawa perkhidmatan awam diuruskan dengan berintegriti khususnya dalam berperanan membantu pembangunan usahawan dan koperasi di negara ini.

2019

Score Rank
53 51

2020


Score Rank
51 57

Sumber :



PUNCA RISIKO DI MEDAC

Bagi tujuan analisis persekitaran dan penilaian risiko rasuah untuk pembangunan OACP MEDAC, pelbagai data telah diperolehi dengan menumpukan pengumpulan data melalui Pengurusan Risiko Rasuah. Data-data ini dikumpulkan bagi membantu dalam penilaian risiko rasuah bagi tempoh 5 tahun akan datang.



Sumber : Data Pengurusan Risiko Rasuah dan Pelan Pembangunan Anti Rasuah Organisasi MEDAC 2020



BIDANG KEUTAMAAN

PENTADBIRAN
SEKTOR
AWAM



KEWANGAN
DAN
PEROLEHAN



TADBIR URUS
TERBAIK DAN
BERINTEGRITI
TINGGI



STRATEGI PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF

3 STRATEGI



PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

**BIDANG
KEUTAMAAN:
PENTADBIRAN
SEKTOR AWAM**

**PELAN
TINDAKAN
DAN
INISIATIF**

Menjadikan penyampaian perkhidmatan yang efektif dan efisien, pengamalan nilai-nilai murni dan beretika, dinamik serta berdaya saing dalam menguruskan perubahan pentadbiran di sektor awam.

STRATEGI 1

STRATEGI 1	MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM
OBJEKTIF STRATEGI 1.1	MENGUKUHKAN MEKANISME KAWALAN KE ATAS PENGURUSAN MAKLUMAT BAGI MEMINIMUMKAN KETIRISAN DAN DATA MERAGUKAN
OBJEKTIF STRATEGI 1.2	MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN MODAL INSAN PEGAWAI
OBJEKTIF STRATEGI 1.3	MENAMBAHBAIK KEBERKESANAN PROSEDUR OPERASI STANDARD
OBJEKTIF STRATEGI 1.4	MEREKAYASA PERKHIDMATAN AWAM KE ARAH TADBIR URUS BAIK

OBJEKTIF STRATEGI 1.1

BIDANG KEUTAMAAN		PENTADBIRAN SEKTOR AWAM						
STRATEGI		MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM						
				RISIKO / KELEMAHAN : GOVERNANS, INTEGRITI DAN RASUAH	INISIATIF	PENERAJU DAN PELAKSANA	TEMPOH MASA	
OBJEKTIF STRATEGI	1.1	MENGUKUHKAN MEKANISME KAWALAN KE ATAS PENGURUSAN MAKLUMAT BAGI MEMINIMUMKAN KETIRISAN DAN DATA MERAGUKAN	1.1.1	Pemalsuan dokumen pengenalan diri, pendaftaran perniagaan dan dokumen sokongan bagi permohonan Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK)	Penambahbaikan prosedur semakan dokumen	Pusat Khidmat Kontraktor	2021-2023	2 Tahun
					Pemantauan ke atas prosedur kerja petugas secara berkala	Pusat Khidmat Kontraktor	2021-2022	1 Tahun
					Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas ke atas kes salah laku yang dilaporkan	Pusat Khidmat Kontraktor	2021-2025	4 Tahun
			1.1.2	Pengubahan maklumat permohonan tanpa melalui sistem bagi memenuhi syarat permohonan	Mewujudkan fungsi audit trail dalam sistem bagi mencegah berlakunya perubahan data tanpa kebenaran	Business Licensing Electronic Support System	2021-2023	2 Tahun
			1.1.3	Membocorkan maklumat (maklumat peribadi, username atau password) kepada pemohon atau pihak ketiga	Mewujudkan prosedur operasi standard untuk kawalan maklumat terperinci serta memastikan pemantauan dan penguatkuasaan dilaksanakan	Business Licensing Electronic Support System	2021-2025	4 Tahun
					Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas ke atas kes salah laku yang dilaporkan	Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat		
			1.1.4	Pengendalian dokumen terperinci tidak mengikut prosedur yang ditetapkan	Pematuhan dan pelaksanaan sepenuhnya Akta Rahsia Rasmi 1972 serta arahan perkhidmatan berkaitan di samping memberi pendedahan kepada pegawai terlibat peraturan-peraturan semasa yang berkuatkuasa	Bahagian Khidmat Pengurusan	2021-2025	4 Tahun

OBJEKTIF STRATEGI 1.2

BIDANG KEUTAMAAN		PENTADBIRAN SEKTOR AWAM						
STRATEGI		MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM						
				RISIKO / KELEMAHAN : GOVERNANS, INTEGRITI DAN RASUAH	INISIATIF	PENERAJU DAN PELAKSANA	TEMPOH MASA	
OBJEKTIF STRATEGI	1.2	MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN MODAL INSAN PEGAWAI	1.2.1	Pegawai kurang pengetahuan dan penghayatan dalam melaksanakan tugas	Mengadakan latihan / kursus fungsional berkaitan tugas bagi urus setia dan panel yang terlibat	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	2021-2024	4 Tahun
						Pusat Khidmat Kontraktor		
					Melaksanakan program kesedaran modal insan seperti kursus / seminar dalam aspek governans, integriti dan anti-rasuah.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	2021-2024	4 Tahun
						Unit Integriti		
			1.2.2	Pegawai kurang penghayatan dalam pelaksanaan tugas dan mudah terpengaruh dengan pihak-pihak yang berkepentingan.	Melaksanakan pusingan kerja pegawai khususnya di jawatan sensitif berdasarkan Arahan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2004 bagi meminimumkan risiko berlakunya rasuah	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	2021-2024	4 Tahun
					Memperkasa program integriti dan nilai-nilai murni bagi pegawai	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	2021-2024	4 Tahun
						Unit Integriti		
			1.2.3	Tiada kesinambungan dalam pelaksanaan tugas khususnya jawatan-jawatan strategik	Melakukan semakan dan kajian semula serta menambahbaik Sistem Pengurusan Pelan Penggantian (succession plan) bagi menyediakan pelapis kepada jawatan-jawatan strategik Pelaksanaan Analisa Keperluan Latihan (TNA) terutamanya bagi jawatan berisiko	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	2021-2024	4 Tahun
						Bahagian Pengurusan Sumber Manusia		

OBJEKTIF STRATEGI 1.3

BIDANG KEUTAMAAN		PENTADBIRAN SEKTOR AWAM						
STRATEGI		MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM						
				RISIKO / KELEMAHAN : GOVERNANS, INTEGRITI DAN RASUAH	INISIATIF	PENERAJU DAN PELAKSANA	TEMPOH MASA	
OBJEKTIF STRATEGI	1.3	MENAMBAHBAIK KEBERKESANAN PROSEDUR OPERASI STANDARD	1.3.1	Ketidapatuhan pada prosedur operasi standard bagi proses kelulusan lesen pengiktirafan taraf bumiputera dan SKWAK	Melaksanakan pemantauan ke atas pematuhan prosedur kerja petugas secara berkala atau sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun	Pusat Khidmat Kontraktor	2021-2024	4 tahun
			1.3.2	Memanipulasi pinjaman yang telah diluluskan di bawah SKWAK (jumlah sehingga RM200,000.00) dan sengaja tidak dibayar. Kontraktor tetap boleh meneruskan perniagaan dengan membuka syarikat lain.	Meletakkan cagaran bagi permohonan pinjaman dan menyenarai hitam pemohon pinjaman (Pengarah Syarikat dan Pemegang Saham)	Pusat Khidmat Kontraktor	2021-2024	4 Tahun
			1.3.3	Penyalahgunaan token pembayaran bagi meluluskan bayaran tuntutan / invois yang tidak wujud dan perakuan tanpa semakan / pemeriksaan pelaksanaan kerja	Memasukkan elemen tindakan punitif lebih tegas dalam melaksanakan penambahbaikan prosedur operasi standard bagi proses kerja berkaitan	Bahagian Kewangan Dan Pembangunan	2021-2024	4 Tahun
						Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat		
						Business Licensing Electronic Support System		
			1.3.4	Ketidapatuhan pada prosedur operasi standard berkaitan proses dokumen berkaitan tender / sebut harga	Membuat semakan mengejut (spot check) bagi pemantauan dan penguatkuasaan pelaksanaan SOP dan naziran yang lebih kerap	Pusat Khidmat Kontraktor	2021-2024	4 Tahun
						Bahagian Kewangan Dan Pembangunan		

OBJEKTIF STRATEGI 1.3 - sambungan

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN SEKTOR AWAM							
STRATEGI	MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM							
				RISIKO / KELEMAHAN : GOVERNANS, INTEGRITI DAN RASUAH	INISIATIF	PENERAJU DAN PELAKSANA	TEMPOH MASA	
OBJEKTIF STRATEGI	1.3	MENAMBAHBAIK KEBERKESANAN PROSEDUR OPERASI STANDARD	1.3.5	Kelemahan SOP yang membuka ruang untuk penyelewengan kepada pihak dalaman yang menguruskan proses kerja terlibat (dokumen tender / sebutharga / perolehan / pengurusan aset / pengurusan projek)	Menambahbaik panduan SOP dengan memasukkan elemen semakan pihak ketiga dan memasukkan elemen tindakan punitif lebih tegas atas kesalahan dilakukan	Bahagian Kewangan Dan Pembangunan	2021-2024	4 tahun
					Melaksanakan semakan dan penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi setiap bahagian bertujuan memastikan SOP dikemaskini selaras dengan pekililing dan arahan semasa berkuatkuasa.	Pusat Khidmat Kontraktor		

OBJEKTIF STRATEGI 1.4

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN SEKTOR AWAM							
STRATEGI	MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM							
				RISIKO / KELEMAHAN : GOVERNANS, INTEGRITI DAN RASUAH	INISIATIF	PENERAJU DAN PELAKSANA	TEMPOH MASA	
OBJEKTIF STRATEGI	1.4	MEREKAYASA PERKHIDMATAN AWAM KE ARAH TADBIR URUS BAIK	1.4.1	Kelewatan dan kegagalan dalam proses permohonan / keputusan bagi sesuatu perkara	Memaksimumkan penggunaan teknologi maklumat melalui pelaksanaan proses permohonan secara dalam talian (online)	Bahagian Kewangan Dan Pembangunan Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat Business Licensing Electronic Support System Pusat Khidmat Kontraktor	2021-2024	4 tahun
			1.4.2	Kegagalan dalam menguruskan hasil dapatan keputusan perbincangan dari kumpulan fokus dalam proses mewujudkan polisi / peraturan yang sedia ada dan baharu	Mengadakan kolaborasi sesi libat urus lebih kerap bersama pemegang taruh	Bahagian Dasar Dan Hubungan Antarabangsa		

KEWANGAN DAN PEROLEHAN AWAM

**BIDANG
KEUTAMAAN:
KEWANGAN
DAN
PEROLEHAN
AWAM**

**PELAN
TINDAKAN
DAN
INISIATIF**

Menjadikan bidang kewangan dan perolehan awam mempunyai nilai akauntabiliti, integriti dan meminimumkan risiko penyelewengan dalam pengurusan kewangan dan perolehan sektor awam.

STRATEGI 2

STRATEGI 2	MEMPERKUKUH KERANGKA PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN
OBJEKTIF STRATEGI 2.1	MEMPERKUKUH KERANGKA PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN
OBJEKTIF STRATEGI 2.2	MENINGKATKAN KETELUSAN, MENGURANGKAN RISIKO RASUAH DAN PENYELEWENGAN BERKAITAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

OBJEKTIF STRATEGI 2.1

BIDANG KEUTAMAAN	KEWANGAN DAN PEROLEHAN AWAM							
STRATEGI	MEMPERKUKUH KERANGKA PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN							
				RISIKO / KELEMAHAN : GOVERNANS, INTEGRITI DAN RASUAH	INISIATIF	PENERAJU DAN PELAKSANA	TEMPOH MASA	
OBJEKTIF STRATEGI	2.1	MEMPERKUKUH KERANGKA PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN	2.1.1	Penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam menguruskan prosedur kerja dan sistem e-perolehan	Melaksanakan program kesedaran berkaitan governans, tadbir urus, pengurusan kewangan, prosedur operasi standard (SOP) e-Perolehan, integriti dan nilai-nilai murni	Bahagian Kewangan	2021-2024	4 Tahun
					Unit Integriti			
					Memperkasa penggunaan Pengurusan Sistem e-Perolehan	Bahagian Kewangan	2021-2024	4 Tahun
					Melaksanakan semakan dan penilaian semula terhadap terma rujukan dalam proses mekanisme pemantauan naziran dan penguatkuasaan secara konsisten	Bahagian Khidmat Pengurusan	2021-2023	2 Tahun
					Bahagian Kewangan			
					Mewajibkan dan memperkasakan pelaksanaan urusan pengauditan dalaman dan mengambil tindakan proaktif bagi setiap tindakan penambahbaikan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Audit	Unit Audit Dalam	2021-2023	2 Tahun

OBJEKTIF STRATEGI 2.1- sambungan

BIDANG KEUTAMAAN		KEWANGAN DAN PEROLEHAN AWAM						
STRATEGI		MEMPERKUKUH KERANGKA PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN						
				RISIKO / KELEMAHAN : GOVERNANS, INTEGRITI DAN RASUAH	INISIATIF	PENERAJU DAN PELAKSANA	TEMPOH MASA	
OBJEKTIF STRATEGI	2.1	MEMPERKUKUH KERANGKA PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN	2.1.2	Penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam menguruskan prosedur kerja melibatkan perolehan	Memastikan proses tindakan susulan terhadap pemantauan dan penguatkuasaan naziran adalah mandatori dengan mengambil kira sepenuhnya Laporan Kes Hasil Dapatan Keputusan dari pihak SPRM dan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)	Unit Audit Dalam	2021-2024	4 Tahun
						Unit Integriti		
					Mewajibkan penglibatan pegawai perolehan dan pegawai terlibat dalam kementerian untuk menghadiri latihan pengukuhan kemahiran penggunaan sistem dan prosedur kerja berkaitan e-perolehan bagi meningkatkan pemahaman dan kompetensi	Bahagian Kewangan	2021-2024	4 Tahun
						Bahagian Pembangunan Koperasi		

OBJEKTIF STRATEGI 2.1- sambungan

BIDANG KEUTAMAAN	KEWANGAN DAN PEROLEHAN AWAM							
STRATEGI	MEMPERKUKUH KERANGKA PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN							
				RISIKO / KELEMAHAN : GOVERNANS, INTEGRITI DAN RASUAH	INISIATIF	PENERAJU DAN PELAKSANA	TEMPOH MASA	
OBJEKTIF STRATEGI	2.1	MEMPERKUKUH KERANGKA PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN	2.1.3	Kebocoran maklumat sensitif dan sulit berkaitan perolehan bagi tujuan memperoleh habuan yang ditawarkan	Melaksanakan program dan mewajibkan pelaksanaan latihan pengurusan dokumen terperingkat kepada pegawai perolehan dan pegawai kementerian	Bahagian Khidmat Pengurusan	2021-2022	1 Tahun
					Melaksanakan program kesedaran berkaitan pengurusan tatacara tadbir urus kewangan, integriti, penerapan nilai-nilai murni dan keagamaan	Bahagian Khidmat Pengurusan	2021-2025	4 Tahun
						Bahagian Kewangan		
						Unit Integriti		
					Memastikan pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) terhadap proses tindakan susulan hasil pemantauan dan pengauditan	Bahagian Khidmat Pengurusan	2021-2025	2 Tahun
						Bahagian Kewangan		
						Unit Audit Dalam		

OBJEKTIF STRATEGI 2.2

BIDANG KEUTAMAAN	KEWANGAN DAN PEROLEHAN AWAM							
STRATEGI	MENINGKATKAN KETELUSAN, MENGURANGKAN RISIKO RASUAH DAN PENYELEWENGAN BERKAITAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN							
				RISIKO / KELEMAHAN : GOVERNANS, INTEGRITI DAN RASUAH	INISIATIF	PENERAJU DAN PELAKSANA	TEMPOH MASA	
OBJEKTIF STRATEGI	2.2	MEMPERKUKUH KERANGKA PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN	2.2.1	Manipulasi dan penyelewengan dalam melaksanakan tatacara pengurusan perolehan yang menjurus kepada jenama/ pembekal tertentu	Mewajibkan pusingan kerja untuk jawatan sensitif yang melibatkan perolehan sebagaimana dalam jadual penurunan kuasa Pegawai Pengawal	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	2021-2024	4 Tahun
					Mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas dan berat (contohnya: surcaj, penangguhan kenaikan pangkat atau kenaikan gaji)	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	2021-2024	4 Tahun
						Unit Integriti		
				Mewajibkan semua warga Kementerian yang ditempatkan di Pejabat Pengurusan Tertinggi menandatangani Integrity Pact (IP)	Bahagian Kewangan	2021-2024	4 Tahun	
			2.2.2	Pelanggaran dan kegagalan pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) perolehan terutama dalam proses penganugerahan projek atas kapasiti kepentingan peribadi	Mewajibkan pelaksanaan Program Latihan Akauntabiliti, governans, integriti dan antirasuah dalam pemerkasaan Tatacara Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan perolehan	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	2021-2024	4 Tahun
						Bahagian Kewangan		
						Bahagian Pembangunan Koperasi		
					Melaksanakan tapisan keselamatan dalam Sistem e-Vetting bagi semua warga Kementerian, Pejabat anggota pentadbiran dan pembekal terlibat	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	2021-2024	4 Tahun
						Unit Integriti		
						Bahagian Kewangan		

TADBIR URUS TERBAIK DAN BERINTEGRITI

**BIDANG
KEUTAMAAN:
TADBIR URUS
TERBAIK DAN
BERINTEGRITI**

**PELAN
TINDAKAN
DAN
INISIATIF**

Memastikan tadbir urus terbaik dan berintegriti tinggi yang mencerminkan imej sektor awam dalam mengamalkan nilai-nilai kecekapan dalam urusan pentadbiran kerajaan

STRATEGI 3

STRATEGI 3	MEMUPUK TADBIR URUS TERBAIK DAN BERINTEGRITI
OBJEKTIF STRATEGI 3.1	MENANGANI CAMPUR TANGAN PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM PENTADBIRAN ORGANISASI
OBJEKTIF STRATEGI 3.2	MEMASTIKAN PEMATUHAN PROSEDUR OLEH PIHAK YANG MENGAWAL ORGANISASI
OBJEKTIF STRATEGI 3.3	MEMASTIKAN KETELUSAN DAN AMALAN NILAI INTEGRITI DALAM ORGANISASI

OBJEKTIF STRATEGI 3.1

BIDANG KEUTAMAAN		TADBIR URUS TERBAIK DAN BERINTEGRITI						
STRATEGI		MEMUPUK TADBIR URUS TERBAIK DAN BERINTEGRITI						
				RISIKO / KELEMAHAN : GOVERNANS, INTEGRITI DAN RASUAH	INISIATIF	PENERAJU DAN PELAKSANA	TEMPOH MASA	
OBJEKTIF STRATEGI 3	3.1	MEMUPUK TADBIR URUS TERBAIK DAN BERINTEGRITI DALAM ORGANISASI	3.1.1	Campur tangan pihak berkepentingan dalam tadbir urus dan urusan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli Majlis di bawah MEDAC	Memperkenalkan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan Garis Panduan bagi mengekang campur tangan pihak berkepentingan dalam pelantikan Ahli Lembaga Pengarah/ Ahli Majlis	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	2021 - 2024	4 Tahun
					Memperkenalkan Arahan Pentadbiran Ketua Setiausaha dalam Pengurusan menghadkan bidang kuasa melibatkan kelulusan di antara anggota pentadbiran dan penjawat awam.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Unit Integriti	2021 - 2024	4 Tahun

OBJEKTIF STRATEGI 3.2

BIDANG KEUTAMAAN	TADBIR URUS TERBAIK DAN BERINTEGRITI							
STRATEGI	MEMUPUK TADBIR URUS TERBAIK DAN BERINTEGRITI							
				RISIKO / KELEMAHAN : GOVERNANS, INTEGRITI DAN RASUAH	INISIATIF	PENERAJU DAN PELAKSANA	TEMPOH MASA	
OBJEKTIF STRATEGI 3	3.2	MEMASTIKAN PEMATUHAN PROSEDUR OLEH PIHAK YANG MENGAWAL ORGANISASI	3.2.1	Kegagalan dan kecuaiian dalam proses pematuhan, tatacara prosedur kewangan dan keselamatan yang melibatkan agensi di bawah MEDAC.	Mengadakan program latihan berkaitan tadbir urus, tatacara Prosedur Operasi Standard (SOP), kewangan dan keselamatan kepada semua agensi di bawah MEDAC	Bahagian Pembangunan Koperasi MEDAC	2021-2025	5 Tahun
						Suruhanjaya Koperasi Malaysia		
						Institut Koperasi Malaysia		
						SME CORP		
					Melakukan semakan semula terperinci terhadap penilaian terhadap tatacara SOP, kewangan dan keselamatan	Bahagian Khidmat Pengurusan Kewangan	2021-2023	3 Tahun
						Bahagian Kewangan		
						Unit Integriti		

OBJEKTIF STRATEGI 3.3


BIDANG KEUTAMAAN	PETADBIRAN SEKTOR AWAM							
STRATEGI	TADBIR URUS TERBAIK DAN BERINTEGRITI TINGGI							
				RISIKO / KELEMAHAN : GOVERNANS, INTEGRITI DAN RASUAH	INISIATIF	PENERAJU DAN PELAKSANA	TEMPOH MASA	
OBJEKTIF STRATEGI 3	3.3	MEMASTIKAN KETELUSAN DAN AMALAN NILAI INTEGRITI DALAM ORGANISASI	3.3.1	Kesalahan jenayah rasuah melibatkan dalaman dan pihak luar yang berurusan dengan pegawai dan kakitangan MEDAC	Mengadakan program kesedaran berkenaan jenayah rasuah pegawai dan kakitangan yang terlibat	Unit Integriti	2021-2025	5 Tahun
					Melaksanakan pusingan kerja pegawai dan kakitangan sebagaimana arahan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	2021-2025	5 Tahun
			3.3.2	Penularan persepsi negatif dan prasangka buruk terhadap warga kementerian berkaitan pemberian dan penerimaan hadiah	Menyediakan pekeliling KSU berhubung polisi pemberian dan penerimaan hadiah	Unit Integriti	2021-2023	3 Tahun
					Memperkasakan mekanisme pelaporan penerimaan hadiah melalui borang Kod Etika Anggota Pentadbiran dan Borang Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 1998.	Unit Integriti	2021-2023	3 Tahun

PENUTUP

Kerajaan telah merangka satu pelan khusus iaitu Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dalam usaha memantapkan governans, integriti dan antirasuah dalam sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan. Pelan ini telah disambut baik oleh pihak Pengurusan tertinggi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan usaha yang komited bagi memastikan pelan ini dapat menambahbaik tadbir urus serta menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah. Justeru itu, MEDAC mengorak langkah dan menzahirkan komitmen dengan membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) MEDAC bagi tempoh 5 tahun iaitu 2021 sehingga 2025. Pelan ini menjelaskan mekanisme penyelarasan dan pemantauan bagi memastikan inisiatif-inisiatif OACP MEDAC dilaksanakan serta akan sentiasa dikaji dan dikemas kini bagi menambahbaik dan mengikuti perubahan semasa.

Secara keseluruhannya, kejayaan dan keberkesanan OACP ini bergantung kepada komitmen dan kesepakatan seluruh warga MEDAC, senario politik negara dan tampuk kepimpinan kerajaan. Ironinya usaha-usaha membendung dan mencegah gejala dan amalan rasuah melalui OACP ini secara tidak langsung meningkatkan imej kementerian ini dan menghindarkan unsur-unsur negatif dalam kalangan warga MEDAC. Dalam memastikan OACP MEDAC 2021 sehingga 2025 ini mencapai matlamatnya, semua pihak perlu memainkan peranan dan memberi komitmen penuh termasuklah daripada aspek sumber manusia, peruntukan kewangan dan aspek-aspek lain secara langsung atau tidak langsung yang diperlukan dalam menyokong pelan ini.

Pelan ini juga diharap dapat meminimumkan salah laku yang melibatkan governans, integriti dan rasuah dalam kalangan warga MEDAC khususnya dan agensi-agensi di bawah kementerian amnya. Penambahbaikan dalam aspek governans, integriti dan anti rasuah melalui pelan ini diharap dapat meningkatkan keyakinan dan kesedaran awam berhubung dengan perkhidmatan MEDAC khususnya dalam bidang keusahawanan dan koperasi.



PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua pihak dan individu yang terlibat di dalam pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi MEDAC 2021-2025.

YB Tan Sri Noh bin Haji Omar

Menteri

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

YB Muslimin bin Yahaya

Timbalan Menteri

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

YBhg. Dato' Suriani binti Dato' Ahmad

Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

**Semua Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian
Pembangunan Usahawan dan Koperasi.**

**Semua Setiausaha Bahagian dan Ketua Unit
di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.**

Semua pegawai penyelaras di Bahagian/Unit.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

**Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC)
Jabatan Perdana Menteri.**

SIDANG EDITOR

Puan Marlia binti Mamat

Ketua Unit
Unit Integriti

Puan Rohaizan binti Ismail

Pegawai Hal Ehwal Islam
Unit Integriti

Encik Mohd Azlan bin Mohd Ali

Pegawai Siasatan
Unit Integriti

Puan Sanori Ariyati binti Ahmad

Penolong Pegawai Tadbir
Unit Integriti

Encik Fozi bin Saad

Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam
Unit Integriti

Encik Mohd Johaizar bin Md Jalil

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Unit Integriti

